

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 4 APRIL 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 36

## OPEC+ kurang bekalan, saham tenaga didagang aktif

# OPEC+ kurang bekalan, saham tenaga didagang aktif

**PETALING JAYA:** Beberapa syarikat tenaga di Bursa Malaysia aktif didagangkan semalam selepas Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum dan sekutunya (OPEC+) mengurangkan lagi bekalan untuk menstabilkan pasaran minyak.

Indeks Tenaga Bursa, yang menjejaki harga saham syarikat berkaitan minyak dan gas dibuka pada 20.69 mata lebih tinggi kepada 857.50, daripada penutup Jumaat lalu pada 836.81 mata.

Pada pukul 11 pagi, saham Velesto Energy Bhd. meningkat 2.38 peratus atau setengah sen kepada 22 sen sesaham, Hibiscus Petroleum Bhd. menokok

8.08 peratus atau lapan sen kepada RM1.07, Reach Energy Bhd. meningkat 7.0 peratus atau setengah sen pada 7.5 sen.

Selain itu, saham Perdana Petroleum Bhd. menokok 8.11 peratus atau 1.5 sen kepada 20 sen, KNM Group Bhd. naik 22.22 peratus atau satu sen kepada 5.5 sen, dan Sapura Energy Bhd. meningkat 14.29 peratus atau setengah sen kepada empat sen.

MIDF Research berkata, pemotongan bekalan yang tidak dijangka adalah secara sukarela, kerana banyak negara OPEC+ menghadapi pelupusan, akibatnya kekurangan kapasiti untuk pengeluaran mereka.

“Selain itu, bekalan minyak mentah dijangka kekal ketat dengan sekatan berterusan Rusia, inventori perlahan di Amerika Syarikat (AS) dan ketidak-tentuan dalam permintaan dari Eropah dan China,” katanya dalam nota kajian.

Minyak mentah Brent telah meningkat kira-kira 7.0 peratus kepada AS\$86 setong, berikutan pengumuman pemetongan bekalan itu.

Firma penyelidikan itu berkata, walaupun harga minyak yang lebih tinggi akan menjadi halangan bagi kilang penapisan tengah dan hiliran berhubung dengan penjualan produk di-

tapis, ia memberi petanda baik untuk huluhan dari segi aktiviti penerokaan dan pengeluaran.

“Memandangkan Malaysia mempunyai lebih 1,300 syarikat perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas, kami percaya huluhan akan menjadi penerima utama kenaikan harga minyak mentah dalam tempoh terdekat,” katanya.

Pilihan utama MIDF ialah Dialog Group Bhd., dengan panggilan “beli” dan harga sasaran (TP) sebanyak RM3.28.

Sementara itu, Kenanga Research mengekalkan saranan “neutral” untuk sektor minyak dan gas, dan andaian purata harga minyak mentah Brent

pada AS\$80 setong pada 2023.

“Harga minyak berkemungkinan dihadkan dalam tempoh serta-merta di tengah-tengah bekalan yang tidak terjual kerana pasaran Asia terpilih dipenuhi dengan eksport minyak mentah Russia yang dialihkan daripada pasaran Eropah tradisional,” katanya.

Antara saham pilihan Kenanga Research ialah Bumi Armada Bhd. dengan panggilan “berprestasi tinggi” dan TP 75 sen, Wah Seong Corp Bhd. (“berprestasi tinggi”; TP: 97 sen), Dialog (“berprestasi tinggi”; TP: RM3.10), dan Yinson Holdings Bhd. (“berprestasi tinggi”; TP: RM3.65).